

DATE: 16/8/2009

Tidak sedar jadi pengkhianat

UM - 16/8/2009

MINGGUAN: Daripada pengalaman Tun perasaan cintakan negara jika dibandingkan dengan zaman dahulu dan sekarang apa perbezaan yang berlaku?

DR. MAHATHIR: Perasaan itu semakin merosot. Sekarang ini perasaan cintakan negara sudah semakin berkurangan. Sekarang bila ada masalah barulah mereka hendak buat sesuatu. Sekarang semuanya mudah. Bila sudah merdeka dan sudah dapat semua mereka mereka bebas bercakap. Kita tidak lagi menghargai apa yang kita dapat dari negara kita sendiri. Kita hanya nampak keburukan negara dan jarang nampak kebaikan walaupun kita kena akur keburukan itu memang ada namun kita kena menimbang antara dua perkara itu.

Saya hendak memetik kata-kata Tan Sri Eric Chia semasa dia bekerja dengan saya. Dia cakap pada saya anak dia tidak pernah minum air longkang. Oleh itu dia tidak pernah merasa hidup susah kena buat itu dan ini. Disebabkan Eric Chia orang miskin dia terpaksa minum air longkang maka dia tahu untuk berusaha tetapi sekarang ini tidak kira dari kaum apa pun mereka mampu hidup mewah. Dahulu di kampung pun tidak ada sekolah terpaksa berjalan kaki berpuluh batu. Tapi sekarang ini semua

sudah ada, kenderaan banyak, sekolah dekat, buku dapat percuma, tidak perlu bersusah payah lagi. Semua sudah dipermudahkan. Jadi dalam dunia ini orang lain hidup untuk sara kita. Jadi apa perlu untuk bersusah payah dan apa makna lagi untuk sayang kepada negara.

Jika perasaan itu sudah semakin hilang apakah mungkin timbul perasaan untuk mengkhianat negara?

DR. MAHATHIR: Ya, memang boleh malah mungkin mereka tidak sedar mereka telah mengkhianati negara. Malah mereka tidak nampak kenapa perlu terhutang budi kepada negara. Mereka cuma berfikir tentang diri mereka.

Sekarang ini kita telah melahirkan banyak bijak pandai Melayu yang berjaya dalam pelbagai bidang namun ramai mereka ini telah hilang semangat Melayu mereka. Bagaimana Tun melihat perkara ini?

DR. MAHATHIR: Mereka beranggapan apa yang mereka dapat itu memang hak dia jadi apa perlu mereka berterima kasih. Mereka beranggapan pihak kerajaan yang bertanggung jawab terhadap apa yang mereka perlukan. Jika mereka hendak

belajar maka kerajaan yang perlu sediakan. Jika tidak ada duit maka perlu diberikan.

Saya biasa dengar seorang pemimpin berkata memang patut kerajaan bagi duit sebab itu duit rakyat. Mereka rakyat dan mereka ada hak terhadap duit itu. Bila mereka tunjuk sikap sedemikian mereka tidak menunjukkan sikap mengenang budi dan kenapa perlu mereka membalas budi.

Jadi bagaimana kita hendak memperbetulkan pemikiran mereka yang tidak berterima kasih ini?

DR. MAHATHIR: Salah satu caranya ialah dengan menarik balik segala yang mereka nikmati ini. Umpamanya jika mereka bekerja dengan kerajaan kita tarik balik kerana mereka ini tidak layak. Kita ada meritokrasi dan kita pilih yang layak dan mereka mungkin tidak layak.

Jika kita lihat sekarang ini ada yang cuba menentang Perlembagaan dengan menarik balik hak orang Melayu. Apakah itu turut dilihat sebagai pengkhianat?

DR. MAHATHIR: Pada pandangan sesetengah pihak ia adalah pengkhianatan namun kenapa mereka melakukan semua itu adalah kerana mereka tidak faham kenapa perlunya mereka berterima kasih.

Dalam situasi sekarang orang sudah berani menggugat institusi raja, Perlembagaan dan hak orang Melayu. Jadi bagaimana Tun melihat perpaduan orang Melayu dalam mempertahankan semua ini?

DR. MAHATHIR: Perlu ditanya, mereka hendak bersatu padu dengan siapa. Jika dengan pihak kerajaan belum nampak parti kerajaan menunjukkan kebolehan. Sebab itu kita dengar di mana-mana sekarang ditubuh NGO Melayu dan saya terima banyak jemputan untuk memberi ucapan kepada NGO ini. Di mana-mana saya pergi pun soalnya sama, mereka tidak berpuas hati bukan sahaja dengan tuntutan orang lain tetapi mereka juga tidak berpuas hati dengan tindakan kerajaan.

Umpamanya tuntutan minta maaf, bila orang lain buat kita tidak minta pun mereka minta maaf tetapi jika kita yang melakukannya mereka dengan cepat akan minta tuntutan maaf malah ada yang digantung. Ada bekas pemimpin MIC, S.S Subramaniam yang kini menyertai pembangkang, alasannya adalah kerana beralihnya pembelajaran bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu.

Bila kita tukar pengajaran kepada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu bermakna

kita tukar pengajaran dari bahasa Inggeris kepada bahasa Cina atau bahasa Tamil. Oleh itu tidak ada lagi tempat untuk mereka bertemu. Jadi kalau orang Cina hendak belajar mereka pergi ke sekolah Cina sebelum ini mereka boleh belajar di sekolah kebangsaan. Maka keputusan kerajaan ini akan hanya merenggangkan hubungan antara kaum.

Apa pesanan Tun kepada rakyat Malaysia sempena sambutan kemerdekaan yang bakal menjelma tidak lama lagi?

DR. MAHATHIR: Kita berada dalam parti BN yang telah memerintah selama 52 tahun. Dalam jangka masa itu keadaan di negara kita aman dan negara membangun dengan baik. Seharusnya perkara yang baik kita jangan buang dan ia patut dikekalkan.

Tetapi bila pemimpin kurang cekap dan tidak faham mengurus sistem ini dan pergi layan tuntutan orang lain akhirnya parti jadi lemah dan semua berpecah belah. Malaysia masih perlu kepada konsep BN, bukan BN sahaja tetapi konsep BN. Dengan kepimpinan yang faham bagaimana menggunakan konsep ini untuk menjayakan kerajaan dan negara.